



**KETUA** Pergerakan Wanita Umno, Datin Paduka Hajah Aishah Ghani (dua dari kiri) menjelaskan kepada pemimpin-pemimpin Wanita Umno mengenai soal pindaan dalam satu mesyuarat tertutup di Ibupejabat Umno di Kuala Lumpur,

semalam.

Turut hadir ialah Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Datuk Haji Sanusi Junid (kiri) dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Encik Radzi Sheikh Ahmad.

# Pindaan: Wanita Umno tidak cadang adakan sidang khas

Bahan asal dari Arkib  
Negara Malaysia

**KUALA LUMPUR.** Isnin — Pergerakan Wanita Umno tidak bercadang mengadakan mesyuarat agung khas untuk menjelaskan mengenai soal pindaan Perlembagaan.

Sebaliknya, pergerakan itu memutuskan akan memberi penerangan sejelasnya kepada ahli-ahli Wanita Umno seluruh negara mengenai soal itu.

Keputusan itu dicapai dalam mesyuarat tertutup selama tiga jam antara Exco Wanita dengan pemimpin-pemimpin wanita Umno peringkat negeri di Bangunan Umno di sini, hari ini.

## Penerangan

Ketua pergerakan itu Datin Paduka Hajah Aishah Ghani berkata keputusan yang dibuat setelah perbincangan teliti itu mendapati langkah mengadakan mesyuarat khas itu tidak perlu.

Menurutnya, penerangan serta penjelasan mengenai soal itu adalah perlu untuk mengelakkan salah faham dan tafsiran tentang hasrat dan tujuan pindaan Perlembagaan.

"Tidak dinafikan ada golongan tertentu yang cuba menggunakan soal ini untuk mewujudkan kekeuhan dan kekeliruan rakyat," ujarnya.

Golongan itu katanya, menjalankan kegiatan mereka dengan menghasut rakyat seolah-olah hubungan rakyat dengan

raja-raja dan Umno dengan raja-raja sudah renggang.

"Tindakan ini boleh memesongkan fahaman rakyat tentang sistem raja berperlembagaan dan juga perjuangan Umno yang selama ini menegakkan institusi beraja khususnya dan perpaduan rakyat amnya," ujarnya.

Setakat ini pergerakan itu telah mengadakan beberapa ceramah di tiga buah negeri iaitu di Wilayah Persekutuan, Selangor dan Perak. Wanita Umno akan mengadakan ceramahnya di Kuala Terengganu Jumaat ini.

Bercakap kepada para pemberita selepas mesyuarat itu, Da-

tin Paduka Hajah Aishah berpuas hati bahawa para pemimpin Wanita Umno di peringkat negeri dalam keadaan tenang dan memahami tentang kedudukan soal itu.

"Wanita Umno juga berharap mesyuarat pada 20 November ini akan membawa satu penyelesaian yang positif kepada soal itu untuk masa depan bangsa dan negara," ujarnya.

Turut hadir memberi taklimat di mesyuarat itu ialah Menteri Pembangunan Negara dan Luar Bandar, Datuk Haji Sanusi Junid dan Timbalan Menteri di Jabatan Perdana Menteri, Encik Radzi Sheikh Ahmad.